

12/07/1999

Polis tetap siasat aduan pembangkang

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Ahad - Dakwaan pembangkang konon pihak polis tidak mengambil berat sebarang laporan yang dibuat terhadap pemimpin kerajaan dan parti politik dalam Barisan Nasional (BN), adalah tidak benar sama sekali.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai, berkata pihaknya akan tetap membuat siasatan jika menerima sebarang laporan sama ada yang dibuat oleh orang kerajaan atau parti pembangkang.

"Tidak ada asas sama sekali tuduhan seperti itu," katanya ketika ditemui selepas menghadiri majlis perasmian mesyuarat agung tahunan Pemadam oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kemungkinan laporan polis yang dibuat oleh bekas Timbalan Menteri Perdana, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengenai dakwaan penyelewengan 1.5 juta saham oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz kepada menantunya, Fazrin Azwar Mohd Nor, diambil ringan oleh pihak polis.

Laporan polis yang dibuat Anwar kelmarin itu, dibacakan oleh isterinya Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dalam sidang akhbar di kediamannya di Bukit Damansara, semalam.

Jurucakap polis Dang Wangi yang dihubungi semalam mengesahkan menerima laporan berkenaan.

Bagaimanapun, Norian berkata beliau sendiri belum lagi melihat laporan yang dibuat oleh Anwar itu.

Ditanya sama ada siasatan akan segera dilakukan setelah beliau meneliti laporan itu nanti, Norian berkata: "Ia bergantung kepada isi kandungannya. Saya akan memutuskannya kemudian, kena tengok kandungan dulu".

Dalam laporan itu, Anwar mendakwa pada akhir 1995, Peguam Negara, Tan Sri Mohtar Abdullah menyerahkan kepadanya dokumen Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara bertarikh 14 Mac 1995 yang ditandatangani Timbalan Kanan Pendakwaraya, Datuk Abdul Gani Patail.

Dokumen itu menjelaskan bahawa terdapat asas 'prima facie' untuk mengenakan pertuduhan lima kes rasuah terhadap Rafidah mengikut Seksyen 2 (2) Ordinan 22, Peraturan Perlu 1970.

Peguam Negara berpuas hati dengan siasatan yang dijalankan Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan beliau bersedia dengan pertuduhan terhadap Rafidah.

Lima pertuduhan itu ialah:

* Pertama: selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembahagian Saham Bumiputera Miti, beliau meluluskan 1.5 juta saham dalam Leader Universal Holdings Bhd, kepada menantunya, Fazrin;

* Kedua: beliau meluluskan permohonan Fazrin bagi menjual 450,000 unit saham berkenaan;

* Ketiga: beliau meluluskan permohonan Fazrin bagi menjual 315,000 unit saham berkenaan;

* Keempat: beliau meluluskan permohonan Fazrin bagi menjual 335,000 unit saham berkenaan;

* Kelima: beliau meluluskan pembahagian 4,173,910 unit saham First Allied Corporation (FACB) kepada Fazrin.

Anwar mendakwa, pertuduhan itu bagaimanapun tidak diteruskan akibat campur tangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kegagalan berbuat demikian bermakna Dr Mahathir, Mohtar dan Abdul Gani mencemar matlamat keadilan dan melanggar peruntukan undang-undang," kata

Anwar dalam laporan itu.

Dalam laporan itu, Anwar turut melampirkan dokumen pendakwaan yang diperolehnya itu sebagai bukti, selain satu kenyataan penjelasan.

(END)